

Guna herba rawat penyu



Proses merawat penyu yang cedera dilaksanakan di FRI Rantau Abang.

Kunyit, aloe vera antiseptik dan antibiotik terbaik

NURUL ZAILA
MOHD TAHIR

DUNGUN

Herba seperti kunyit dan daun aloe vera digunakan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang untuk merawat lima penyu yang cedera.

Lima penyu dirawat itu adalah haiwan marin terancam yang berjaya diselamatkan sepanjang musim tengkujuh kali ini bermula pada Oktober 2017 hingga Februari 2018.

Ketua Cawangan Mammalia Marin, FRI Rantau Abang, Mohd Tamimi Ali

Ahmad berkata, FRI Fantau Abang dikenali sebagai Hospital Penyu kerana bertanggungjawab menyelamat penyu-penya yang tercedera.

Menurutnya, penggunaan herba seperti kunyit dan aloe vera adalah antiseptik dan antibiotik terbaik untuk merawat spesies dilindungi itu.

"Kebiasaan penyu yang kami terima menghidap penyakit semula jadi dan ada tercedera kerana terperangkap dalam pukat hanayut atau pukat tunda.

"Selepas rawatan memotong bahagian infeksi dan kulit mati yang bermanah akibat terbelit pukat, kita akan gunakan herba bertujuan memberhentikan darah dan pertumbuhan sel baharu," katanya kepada Sinar Harian.

Beliau berkata, kunyit dan

aloe vera adalah antara penemuan terbaik untuk merawat luka penyu yang tercedera.

"Kunyit hidup ditumbuk hancur dan diletak pada luka sebagai antiseptik serta antibiotik sebelum cecair daun aloe vera diperah dan disapu."

"Cecair aloe vera disapu untuk meredakan kesakitan, tekanan, surut bengkak dan menggalakkan pertumbuhan sel baharu. Akhir sekali suntikan vitamin B kompleks dan antibiotik untuk mempercepat penyembuhan."

"Kunyit ditumbuk hancur juga dimasukkan ke dalam air kolam rendaman penyu supaya dapat mematikan bakteria dan kurangkan tekanan," katanya.

Lima penyu yang dirawat adalah dari spesis Karah, lipas dan penyu agar berusia tiga hingga 20 tahun.